

Kesan Penahanan Imigresen Berpanjangan Terhadap Keluarga dan Komuniti Rohingya di Malaysia - Ringkasan Eksekutif

Mei 2023

Pada tahun 2017, keganasan besar-besaran terhadap etnik Rohingya di Rakhine, Myanmar telah mencetuskan perhijrahan terbesar Rohingya dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Pada masa itu, kerajaan Malaysia mengambil pendirian yang kukuh dalam usaha menentang penganiayaan Rohingya, dan juga menunjukkan sokongan dan simpati terhadap nasib warga Rohingya. Walau bagaimanapun, memandangkan semakin ramai etnik Rohingya melarikan diri mengikut jalan yang tidak teratur ke Malaysia demi bersatu dengan ahli keluarga mereka dan komuniti Rohingya yang sedia ada, tahap toleransi rakyat tempatan dan politik dalam negara telah merosot. Pendekatan 'securitisation' dan 'ad-hoc' semakin menjadi dasar umum bagi kerajaan Malaysia dalam tindakan terhadap Rohingya dan komuniti pelarian lain. Ini termasuk dasar penolakan bot pelarian, serbuan penguatkuasaan imigresen yang lebih kerap, dan penahanan imigresen serta-merta, sembarangan, dan tanpa tempoh tertentu terhadap ramai orang Rohingya di Malaysia.

Kajian terdahulu telah mendokumentasikan bagaimana undang-undang dan dasar Malaysia memberi kesan terhadap Rohingya dan pelarian lain. Walau bagaimanapun, kurang perhatian telah diberikan kepada pengalaman Rohingya bawah dasar-dasar tersebut, dan tindak balas mereka akibat ancaman dari segi keselamatan dan keamanan yang dialami. Kajian ini memberi tumpuan kepada bagaimana keluarga dan komuniti Rohingya telah terjejas dalam jangka masa pendek mahupun panjang oleh dasar penahanan imigresen Malaysia yang keras dan tanpa tempoh tertentu. Ia juga mengemukakan cadangan yang strategik dan relevan untuk menambahbaik akses kepada perlindungan dan perkhidmatan bagi pelarian Rohingya di Malaysia, serta kepentingan pelaksanaan Alternatif Terhadap Tahanan (ATD), dan pendekatan berpusatkan pelarian serta pendekatan berpusatkan mangsa dalam dasar dan respons di peringkat nasional dan serantau, selaras dengan piawaian perlindungan antarabangsa dan hak asasi manusia.

Metodologi kajian ini terdiri daripada pendekatan penelitian kualitatif pelbagai kaedah menggunakan tinjauan literatur, pengumpulan data sekunder daripada borang pengambilan kes, dan temu bual separa berstruktur dengan peserta utama daripada organisasi pelarian (RLO), organisasi masyarakat sivil Malaysia (CSO), kumpulan pemikir, CSO serantau, organisasi berasaskan agama (FBO), dan organisasi hak asasi manusia antarabangsa.

Walaupun kajian ini memberi tumpuan terutamanya kepada Rohingya di Malaysia, hasil kajian menunjukkan bahawa banyak penemuan, terutama pengalaman yang berkaitan dengan dasar dan proses penahanan imigresen, berkemungkinan adalah relevan kepada kebanyakan komuniti pelarian di Malaysia. Selain itu, cadangan untuk memperbaiki dasar dan amalan imigresen ini juga akan memberi manfaat bukan sahaja kepada Rohingya, tetapi juga komuniti pelarian lain.

Hasil Kajian Utama

- Komuniti pelarian Rohingya di Malaysia terdiri daripada individu yang pelbagai. Risiko ditahan, pengalaman ditahan secara langsung dan tidak langsung, dan keupayaan untuk mengakses perkhidmatan dan sokongan adalah berbeza dan bergantung pada tempoh mereka menetap di Malaysia; asal usul dan status keluarga di Rakhine, Myanmar; dan faktor-faktor lain seperti jantina, umur, kesihatan, latar belakang sosioekonomi dan status mereka.
- Semua pelarian mengalami risiko ditangkap dan ditahan secara sewenang-wenang di bawah undang-undang imigresen Malaysia. Namun, risiko yang dialami oleh Rohingya adalah lebih tinggi berbanding dengan komuniti pelarian lain. Antara sebab utamanya ialah mereka merupakan komuniti pelarian terbesar di Malaysia.
- Menurut dokumen imigresen dalaman, pelarian Rohingya yang berhijrah ke Malaysia dari Bangladesh mengalami risiko ditahan untuk tempoh berpanjangan yang lebih tinggi berbanding dengan pelarian Rohingya yang berhijrah terus dari Myanmar, atau Rohingya yang telah lama tinggal di Malaysia.
- Dasar penahanan imigresen Malaysia mempunyai kesan jangka sederhana dan panjang terhadap keluarga dan komuniti Rohingya. Rohingya yang ditahan menghadapi risiko besar dari segi penderaan fizikal dan psikologi yang boleh mengakibatkan trauma dan cabaran dari segi kesihatan mental. Bagi kanak-kanak khususnya, penahanan imigresen boleh memberi kesan yang memudaratkan dan berpanjangan ke atas perkembangan dan kesejahteraan fizikal dan mental mereka.
- Anggota keluarga Rohingya yang ditahan juga mengalami tekanan psikologi yang ketara. Punca tekanan adalah disebabkan kebimbangan terhadap kesejahteraan ahli keluarga mereka yang ditahan, ketakutan dan kebimbangan tentang risiko penangkapan yang meningkat, dan akses kepada dokumentasi dan perlindungan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) yang terhad.
- Penahanan imigresen mempunyai kesan yang mendalam terhadap struktur keluarga akibat pemisahan ahli-ahli keluarga, dan secara tidak langsung akan menyebabkan keretakan hubungan dalam sesebuah keluarga.

- Penahanan imigresen memberi kesan yang lebih besar kepada wanita atas faktor-faktor yang berbeza, serta amalan patriarki dalam komuniti Rohingya, dan kedudukan sosial dan ekonomi wanita dalam komuniti.
- Antara respons terhadap penahanan komuniti Rohingya ialah: a) mendapatkan bantuan daripada UNHCR atau NGO yang relevan untuk melindungi ahli komuniti yang telah ditahan serta ahli komuniti lain yang menghadapi risiko besar ditahan; b) menggunakan rangkaian komuniti untuk memberi amaran dan perlindungan kepada komuniti Rohingya; c) berusaha untuk membebaskan tahanan; dan d) memberi sokongan kepada ahli keluarga tahanan dari segi keperluan asas mereka.
- Dasar dan amalan penahanan imigresen Malaysia adalah tidak selaras di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Ini memberi kesan yang negatif terhadap reputasi antarabangsa Malaysia.
- Penahanan imigresen adalah memudaratkan kepada individu, keluarga dan komuniti. Ia bukan satu langkah pencegahan yang berkesan, dan juga memberi beban kewangan yang besar kepada pembayar cukai dan ekonomi Malaysia. Tambahan pula, mengikut undang-undang yang sedia ada, tidak ada peruntukan yang boleh digunakan sebagai justifikasi untuk menghantar orang tanpa kewarganegaraan seperti Rohingya ke negara asal mereka.
- ATD adalah bermanfaat kepada pelarian dan pihak kerajaan kerana ia memberikan kesan-kesan positif seperti penambahbaikan kesihatan dan kesejahteraan tahanan, mematuhi piawaian hak asasi manusia, dan merupakan tadbir urus migrasi yang berkesan. Selain itu, ATD adalah lebih kos efektif berbanding dengan tahanan imigresen.
- Penyelarasan dan kerjasama seluruh kerajaan termasuk kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan Malaysia yang lain adalah penting bagi menyumbang kepada dasar yang komprehensif dalam isu-isu berkaitan dengan Rohingya dan komuniti pelarian lain. Selanjutnya, kerjasama erat sesama masyarakat sivil, RLO, agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan CSO serantau dan antarabangsa diperlukan dalam usaha untuk menamatkan dasar dan amalan penahanan imigresen yang memudaratkan.

Cadangan-cadangan Utama

Mengikut hasil kajian utama di atas, lapan cadangan diberikan bagi menggalakkan pendekatan 'Whole-of-Government' dan 'Whole-of-Society' dalam usaha menangani isu penahanan imigresen.

Cadangan	Langkah dasar	Pihak berkepentingan
1. Hentikan penahanan imigresen Rohingya dan komuniti pelarian lain	<ul style="list-style-type: none"> a. Mengecualikan pelarian dan pemohon suaka daripada tangkapan dan penahanan di bawah Akta Imigresen 1959/63 b. membenarkan UNHCR akses kepada tahanan di pusat tahanan imigresen, bagi tujuan mengenal pasti, mendaftar, dan melindungi pelarian dan pemohon suaka 	Kerajaan Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> ○ Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri ○ Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri
2. Menerajui pembangunan dan pelaksanaan ATD berasaskan komuniti	<ul style="list-style-type: none"> a. Melaksanakan inisiatif ATD yang sedia ada termasuk cadangan untuk membebaskan kanak-kanak dari tahanan imigresen dan program perintis ATD bagi semua kanak-kanak termasuk Rohingya yang tidak ditemani atau terpisah dari penjaga mereka b. Melabur dalam pembangunan rangka kerja pemantauan dan penilaian yang jelas dalam inisiatif ATD serta fokus kepada kepentingan terbaik kanak-kanak c. Memastikan inisiatif ATD merangkumi semua kanak-kanak dalam tahanan imigresen dan mengembangkan ATD untuk merangkumi pihak lain yang dalam situasi kerentanan, contohnya pemohon suaka dan orang yang mempunyai masalah kesihatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> ○ Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri ○ Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ○ Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri • Masyarakat sivil yang memberi perkhidmatan kepada pelarian, pendatang, kanak-kanak dan belia • Agensi PBB, iaitu Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Hak Asasi Manusia (OHCHR), Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), dan UNHCR
3. Membangunkan dan melaksanakan dasar pelarian yang telus dan komprehensif	<ul style="list-style-type: none"> a. Mempercepatkan proses pendaftaran Rohingya dan komuniti pelarian lain b. Meningkatkan keselarasan dasar mengenai prosedur penangkapan dan penahanan pelarian dan pemohon suaka 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> ○ Kementerian Dalam Negeri ○ Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri • UNHCR
4. Memanfaatkan pengajaran yang diperoleh daripada negara-negara yang serupa, terutamanya di ASEAN, dan meneruskan penglibatan serantau dan antarabangsa untuk meningkatkan penyelarasan dan mendapatkan sumber tambahan	<ul style="list-style-type: none"> a. Meningkatkan usaha pembelajaran rakan sebaya dengan mengambil bahagian dalam platform, seperti aliran kerja ATD oleh United National Network on Migration Working Group dan Regional Platform ATD b. Membina kerjasama serantau bagi menyokong pendekatan berasaskan hak dan advokasi serantau mengenai isu Rohingya, dan tadbir urus migrasi 	Kerajaan Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> ○ Kementerian Dalam Negeri ○ Kementerian Luar Negeri ○ Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri ○ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

<p>5. Memberi hak bekerja kepada Rohingya dan komuniti pelarian lain</p>	<p>a. Memberi hak bekerja serta status sah atau visa sementara kepada pelarian</p> <p>b. Membangunkan program pekerjaan pelarian melalui rundingan dengan komuniti pelarian, RLO dan CSO, dan mengenal pasti sektor ekonomi yang sepadan dengan profil kemahiran Rohingya dan komuniti pelarian lain</p> <p>c. Memastikan mekanisme perlindungan buruh diguna pakai secara sama rata bagi Rohingya dan komuniti pelarian lain</p>	<p>Kerajaan Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> o Kementerian Sumber Manusia o Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri o Kementerian Dalam Negeri
<p>6. Memperkukuhkan rangka kerja dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan jantina ('gender responsive') kepada Rohingya dan komuniti pelarian lain</p>	<p>a. Mengamalkan pengarusutamaan jantina ('gender mainstreaming') dan pendekatan responsif jantina ('gender responsive') dalam dasar dan amalan</p> <p>b. Memansuhkan arahan yang mewajibkan kakitangan di pusat kesihatan awam untuk melaporkan pesakit tanpa dokumen kepada imigresen</p> <p>c. Mewujudkan protokol yang menghalang polis daripada menangkap wanita pelarian yang melaporkan keganasan seksual dan berasaskan jantina (SGBV)</p> <p>d. Menyediakan latihan responsif jantina yang mantap dan teratur untuk pegawai kerajaan</p>	<p>Kerajaan Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> o Kementerian Dalam Negeri o Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat o Kementerian Kesihatan o Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri o Masyarakat sivil yang memberi perkhidmatan kepada pelarian, pendatang, kanak-kanak dan belia
<p>7. Melibatkan pelbagai pihak di semua peringkat untuk memastikan penyelarasan dan kerjasama yang lebih baik</p>	<p>a. Menggalakkan kerjasama dan dialog antara kerajaan, masyarakat sivil, RLO, suruhanjaya hak asasi manusia negara, organisasi antarabangsa, sektor swasta</p> <p>b. Menggunakan mekanisme sedia ada termasuk Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia dan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Malaysia • Masyarakat sivil • Pertubuhan yang dipimpin oleh pelarian • Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan • Agensi PBB • Pertubuhan serantau dan antarabangsa • Sektor swasta
<p>8. Melabur dalam peningkatan kesedaran dan pemahaman orang ramai tentang isu pelarian, dan dalam menangani sebaran maklumat yang mengeliru atau salah, dan ucapan benci terhadap pelarian</p>	<p>a. Menangani sebaran maklumat salah tentang pelarian untuk menangani xenofobia terhadap pelarian Rohingya</p> <p>b. Menganjurkan inisiatif perpaduan sosial yang menggalakkan peningkatan persefahaman dan penerimaan antara komuniti hos dan pelarian</p> <p>c. Mengeratkan hubungan dengan media untuk menggalakkan pelaporan yang tepat dan progresif mengenai pelarian</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Malaysia iaitu Kementerian Komunikasi dan Digital • Masyarakat sivil • Organisasi berasaskan kepercayaan • Agensi PBB • Pertubuhan serantau dan antarabangsa

PRRiA Partners:



Dihasilkan oleh:

